

12.3.2021

SIARAN MEDIA

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

AMARAN SITUASI BEKALAN AIR PULAU PINANG 1 (2021): PBAPP LAKSANAKAN LANGKAH-LANGKAH KAWALAN MUSIM KERING 2021 BERIKUTAN HUJAN MINIMUM

- **Hujan yang tidak mencukupi di kawasan tadahan air Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang sejak 1.1.2021.**
- **Kapasiti efektif kedua-dua empangan ini menurun sejak 1.1.2021.**

PULAU PINANG, Jumaat, 12.3.2021: Langkah-langkah kawalan kejuruteraan bekalan air cuaca kering telah dimulakan di Pulau Pinang berikutan hujan minimum di kawasan tadahan air Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang sejak 1.1.2021.

Jadual berikut membandingkan kapasiti efektif kedua-dua empangan pada 1.1.2021 dan 11.3.2021, serta hujan yang direkodkan dalam tempoh ini:

Empangan Pulau Pinang	Kapasiti Efektif (%)		Hujan (mm)		% Perbezaan
	1.1.2021	11.3.2021	2021 1 Jan – 11 Mac	2017 – 2020 1 Jan – 11 Mac (Purata)	
Air Itam	95.2	77.3	123.0	315.3	- 61.0
Teluk Bahang	58.7	56.7	53.5	555.5	-90.4

Kawasan perkhidmatan utama Empangan Air Itam adalah Air Itam dan Paya Terubong, sementara kawasan perkhidmatan utama Empangan Teluk Bahang adalah Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan Tanjung Bungah.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) perlu melepaskan simpanan air kedua-dua empangan setiap hari untuk menampung bekalan air di kawasan-kawasan berkenaan.

Dalam tempoh 1.1.2021 hingga 11.3.2021, kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang masing-masing telah menurun sebanyak 17.9% dan 2.0% kerana hujan tidak mencukupi untuk “memulihkan” pelepasan harian.

Oleh itu, jadual menunjukkan hubung kait antara kekurangan hujan di kawasan tadahan empangan dan pengurangan kapasiti efektif empangan.

Harap maklum perkara berikut:

1. Empangan Air Itam dan Teluk Bahang tidak penuh 100% pada 1.1.2021, kerana hujan tidak mencukupi pada tahun 2019 dan 2020.
2. Pulau Pinang kini berada di dalam musim kering tahunan, dengan hujan hanya dijangka pada bulan April atau Mei 2021. Oleh kerana perubahan iklim, adalah sukar untuk meramalkan jumlah hujan pada bulan April atau Mei. Sila ingat yang musim kemarau pada tahun 2019 dan 2020 berpanjangan sehingga bulan Julai.
3. PBAPP mesti berusaha untuk mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang berterusan untuk menyokong peperangan berterusan Pulau Pinang melawan pandemik Covid-19.

Langkah-langkah kawalan cuaca kering PBAPP

Sebagai pengendali bekalan air yang bertanggungjawab dan holistik, PBAPP telah menerapkan langkah-langkah pengendalian cuaca kering berikut untuk “merekalkan” kapasiti simpanan Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang pada tahun 2021:

- Memantau kapasiti empangan di Pulau Pinang dan Kedah, serta paras air Sungai Muda, setiap hari;
- Mengoptimalkan pelepasan harian dari Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang;
- Memaksimumkan abstraksi air dari Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang dan mengepam air mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Dua untuk pengeluaran air terawat;

- Mengoptimumkan pengeluaran air dari Loji Rawatan Air Sungai Dua (loji rawatan air terbesar di Pulau Pinang) di Seberang Prai dan mengepam air terawat dari loji itu ke bahagian pulau, Pulau Pinang, melalui saluran paip dasar laut, untuk memastikan kecukupan bekalan air;
- Melepaskan air mentah dari Empangan Mengkuang di Seberang Prai untuk menampung pengeluaran air di Loji Rawatan Air Sungai Dua jika perlu. Kapasiti efektif Empangan Mengkuang adalah 94.9% pada 11.3.2021;

Pembenihan awan

PBAPP akan mencadangkan operasi pembenihan awan kepada kerajaan negeri Pulau Pinang pada tahun 2021. Objektifnya adalah untuk mencapai kapasiti efektif minimum 80% di empangan Air Itam dan Teluk Bahang menjelang Disember 2021.

Penjimatan air oleh pengguna

Sementara itu, pengguna air di Pulau Pinang diminta menggunakan air secara berhemat pada musim kemarau ini dengan segera menerapkan 3 amalan utama berikut untuk mengurangkan penggunaan air mereka:

1. Elakkan menggunakan hos untuk membersihkan rumah atau mencuci kenderaan anda. Menggunakan penyapu dan mop untuk membersihkan rumah anda. Kurangkan mencuci kereta atau motosikal anda, dan gunakan baldi dan span ketika anda melakukannya.
2. Elak menggunakan hos untuk menyiram di taman atau pokok-pokok anda setiap hari. Gunakan bekas penyiram.
3. Do not leave a tap running. Shut off every tap after use and kindly teach your children to follow your example.

Untuk lebih banyak tip penjimatan air, sila lawati www.pba.com.my
Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Email : syarifah@pba.com.my

Recorded Rainfall (mm) Penang Island Dam Catchment Areas (Jan - Mar, 2017 - 2021)

